



## Memelihara keselamatan Negara Malaysia: Peristiwa Lahad Datu, Sabah

Zarina Othman<sup>1</sup>, Mohd Kamal Omar<sup>1</sup>, Firdaus Abdul Jabar<sup>2</sup>, Nor Azizan Idris<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, <sup>2</sup>Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Kamal Omar (email: mohdkamal\_omar@ukm.edu.my)

### Abstrak

Pilihan raya adalah salah satu kriteria bagi negara demokrasi. Malaysia adalah sebuah negara demokrasi semenjak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Seperti kebanyakan negara baharu yang sedang membangun, perjalanan Malaysia menuju demokrasi penuh dengan cabaran memelihara keselamatan negara. Pasca pilihanraya ketiga, 1969, menyaksikan peristiwa berdarah 13 Mei, sementara pra pilihanraya ke-13 pula telah mengejutkan negara apabila sekumpulan angkatan bersenjata menceroob Lahad Datu, Sabah, pada 9 Februari 2013. Lebih kurang sembilan orang dari pihak berkuasa dan enam rakyat awam yang terkorban dalam kejadian berdarah tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisa bagaimanakah peristiwa Lahad Datu memberi impak terhadap keselamatan negara Malaysia. Kajian ini menghujahkan lokasi geostrategik dan geofizikal Sabah, ketidakcukupan anggota keselamatan dan juga ancaman dari Jamalul Kiram III Sultan Sulu berketurunan Suluk yang tidak diiktiraf, adalah antara faktor peristiwa Lahad Datu. Ekoran dari kejadian tersebut, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) telah diwujudkan untuk memelihara keselamatan sempadan Malaysia Timur. Begitu juga isu domestik seperti pendatang asing, ancaman maritim dan tuntutan bertindih, masih menjadi isu. Peristiwa dan isu ini menunjukkan kajian ke atas Sabah semakin penting dan memerlukan perhatian kerana kepelbagaian isu domestik yang belum selesai.

**Katakunci:** ESSCOM, Jamalul Kiram III, keselamatan negara, Peristiwa Lahad Datu, Suluk, Sabah

## Safeguarding Malaysia's national security: The Sabah's Lahad Datu incident

### Abstract

National election is one of the criteria for a democratic country and Malaysia has adopted democracy since her political independence in 1957. Like many newly developing countries, Malaysia's road to democracy was filled with national security challenges as witnessed the bloody post-election May 13, 1969 riot and the pre 13<sup>th</sup> National Election invasion of Lahad Datu, Sabah by a group of armed gun men on 9<sup>th</sup> February 2013 wherein nine members of Malaysian authorities and six civilians died. This study analysed in what way the Lahad Datu incident impacted Malaysia's national security. It was argued that Sabah's geostrategic and geophysical locations, insufficient defence forces, self-proclaimed Sultan Sulu, Jamalul Kiram III a Suluk ethnicity, were among the contributing factors to the Lahad Datu incident. Consequently, Malaysia had established Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) to protect the country's eastern frontier. Similarly, Sabah's unsettled domestic issues such as illegal immigrants, maritime threats and overlapping territorial claims continued to indicate that Sabah was becoming an important state that needed to be given a much greater attention.

**Keywords:** ESSCOM, Jamalul Kiram III, Lahad Datu incident, national security, Suluk, Sabah

## Pengenalan

Bagi negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi, proses dalam menentukan kerajaan yang memerintah melalui pilihanraya bukanlah satu perkara yang asing. Ini termasuklah Malaysia, yang mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan pertama kali mengadakan pilihan raya umum pada tahun 1955. Pada Pilihanraya Umum ke-3 (PRU3), Malaysia dikejutkan dengan peristiwa berdarah 13 Mei, 1969. Pilihanraya Umum ke-13 (PRU13) pula dianggap sebagai satu pilihan raya yang paling penting dalam perjalanan politik negara (Shamsul Amri, 2013: xv). Sedang Malaysia sibuk dengan pembubaran Parlimen bagi membolehkan PRU13 diadakan, negara dikejutkan dengan pencerobohan Lahad Datu, Sabah pada 9 Februari 2013<sup>1</sup>.

Kenapakah peristiwa Lahad Datu terjadi dan bagaimanakah ia memberi kesan terhadap keselamatan negara Malaysia? Kajian ini menghujahkan insiden Lahad Datu penting kerana ia memberi kesan terhadap keselamatan negara, terutamanya dalam mendalami isu keselamatan di Sabah.

## Konsep keselamatan negara

Konsep keselamatan menjadi sinonim dengan skop pengajian strategi setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua. Kini, konsep ini telah diangkat ke satu tahap baharu dengan ruang lingkup yang lebih luas,

*'...in the case of security, the discussion is about the pursuit of freedom from threat. When this discussion is in the context of the international system, security is about the ability of states and societies to maintain their independent identity and their functional integrity...'* (Buzan, 1991:432).

Namun setelah berakhirnya Perang Dingin, pelbagai ancaman baharu bersifat rentas sempadan dilakukan oleh pelaku bukan negara. Definisi keselamatan negara boleh dibahagikan kepada dua, iaitu definisi strategik dan definisi ekonomi bukan strategik. Definisi strategik adalah berkaitan dengan pengendalian kemerdekaan sesebuah negara. Manakala definisi ekonomi bukan strategik berkaitan dengan pengendalian aliran sumber ekonomi yang penting untuk fungsi negara yang tidak melibatkan aspek ketenteraan (Abdul-Monem, 1985).

Menurut pendekatan realisme, keselamatan negara mempertimbangkan negara sebagai aktor utama dalam sistem antarabangsa. Konsep keselamatan ini adalah; a) mengenai memperkukuhkan agenda negara bangsa dalam membentuk dasar keselamatan negara, b) memperkukuhkan sumber ekonomi dan juga aspek bukan ketenteraan yang boleh menyumbang kepada kelangsungan fungsi negara bangsa (Abdul-Monem, 1985). Ringkasnya, keselamatan adalah mengenai memberi perlindungan terhadap negara sebagai satu entiti yang penting.

## Latar belakang Sabah

Seperti kebanyakan negara, Malaysia sangat menjaga keselamatan negaranya dari ancaman sama ada di Semenanjung Malaysia mahupun di Malaysia Timur. Negeri Sabah yang terletak di utara kepulauan Borneo, merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia. Sabah bersempadan dengan Sarawak dan Brunei di bahagian barat, Kalimantan di selatan serta Filipina dan Indonesia di bahagian timur yang dipisahkan oleh Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Persempadannya menunjukkan kedudukan Sabah yang strategik.

Sabah terdiri daripada lima bahagian, di mana Tawau adalah tempat berlakunya peristiwa Lahad Datu dan Sabah juga adalah pengeluar tunggal minyak kelapa sawit dan koko di Malaysia. Pada tahun 2014, Sabah mencatatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM66,283 juta dan ini meletakkan Sabah sebagai negeri keempat penyumbang terbesar KDNK Malaysia.

Selepas PRU13, Sabah masih kekal dibawah tampuk pemerintahan Barisan Nasional (BN) dengan kemenangan 48 kerusi dewan undangan negeri (DUN). Sabah juga antara penyumbang terbesar kerusi Parlimen dengan kemenangan 22 daripada 222 keseluruhan kerusi yang dipertandingkan. Menurut Franco (2013), sumbangan kerusi ini (selain Sarawak) membolehkan kerajaan BN dari tahun 2008–2013 memegang tampuk pemerintahan negara untuk satu penggal lagi. Setakat ini, keunikan dan kepentingan Sabah boleh dikatakan sebagai pintu masuk utama Malaysia dari timur. Namun Sabah masih berdepan dengan cabaran dan isu yang belum reda di mana Peristiwa Lahad Datu adalah antara yang tidak diduga dan memberi impak terhadap keselamatan negara.

## Peristiwa Lahad Datu

Pelbagai persoalan timbul mempersoalkan kerapuhan struktur pertahanan negara dan kegagalan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) kerana kelewatan mengesan kemasukan angkatan bersenjata sehingga membolehkan mereka menawan Kampung Tanduo dan Felda Sahabat 17 di Sabah.

Pencerobohan Lahad Datu ini juga telah memberikan satu kejutan kepada Malaysia kerana ia melibatkan aktor bukan negara dari negara asing, iaitu sekumpulan angkatan bersenjata rakyat Filipina yang mendakwa penyokong kuat Kesultanan Sulu, Jamalul Kiram III. Malah pencerobohan yang melibatkan rakyat Filipina ini turut memberi impak terhadap hubungan diplomatik antara Malaysia dan Filipina. Walau bagaimanapun, dalam hal ini kerajaan Filipina telah menafikan penglibatan mereka malah laporan media Filipina bertindak balas dengan menyatakan perisikan Filipina mendapati individu dalam pembangkang negara ini adalah dalang kepada isu pencerobohan Lahad Datu (*Sinar Harian*, 3 Mac 2013).

Malah Presiden Aquino juga mengarahkan ‘Sultan Sulu’ untuk memanggil semula pengikut mereka untuk menyerah diribagi membincangkan tuntutan yang dilakukan (Poling et al., 2013). Presiden Aquino menyatakan bahawa tindakan yang dilakukan oleh Tentera Kesultanan Sulu (TKS) ini antara lainnya adalah untuk memalukan beliau dan kerajaan pimpinan beliau di samping bersetuju dengan andaian yang menyatakan ianya sebagai satu cubaan untuk merosakkan perjanjian damai yang sedang diusahakan antara Malaysia-Filipina dengan Bangsamoro ketika itu. Tindakan yang dilakukan oleh Kiramini telah meletakkan kedudukan rakyat Filipina di Sabah ketika itu, termasuk lebih kurang 800,000 orang-Suluk, berada dalam keadaan tidak selamat. Dalam hal ini pihak polis telah dikerahkan pada peringkat awal pencerobohan untuk menanganinya sebelum ianya diambil alih oleh pihak tentera (Khor, 2013).

Dalam usaha melindungi keselamatan dan kedaulatan negara, seramai lebih kurang 8,000 anggota keselamatan dikerahkan di bawah misi Ops Daulat. Operasi yang dilakukan juga menahan seramai hampir 600 orang termasuk 31 orang yang telah dibicarakan. Kejadian yang berlaku telah mengorbankan seramai 72 orang di mana 56 daripadanya adalah dari pihak TKS, sepuluh anggota keselamatan Malaysia dan enam orang awam (Goh, 2013; Gomez, 2013; Katharason et al., 2013; Mazwin et al., 2013). Peristiwa tersebut boleh ditelusuri melalui susunan kronologi berikut.

**Jadual 1. Kronologi peristiwa Lahad Datu, Sabah**

Tarikh	Peristiwa
9 Feb	• Kumpulan penceroboh memasuki perairan negara menggunakan bot pancung dan berkumpul secara berperingkat di Felda Sahabat 17, Kampung Tanduo, Lahad Datu
11 Feb	• Lebih 100 lelaki berpakaian ala tentera dan bersenjata api dikesan berkampung di Kampung Tanduo. Laporan polis dibuat oleh nelayan tempatan yang mengesan kehadiran kumpulan ini pada waktu malam.
12 Feb	• Kumpulan penceroboh berpecah di beberapa lokasi di Kampung Tanduo - di kawasan sungai bakau, sebuah surau dan di rumah penduduk tempatan.

Tarikh 2013	Peristiwa
14 Feb	<ul style="list-style-type: none"> <li>Polis mengenal pasti kumpulan warga Filipina yang mendarat di pesisir pantai Lahad Datu, sebagai pewaris berketurunan 'Raja Sulu'</li> </ul>
16 Feb	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menteri Dalam Negeri mengesahkan kumpulan tersebut penyokong 'Kesultanan Sulu'.</li> </ul>
24 Feb	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Filipina menghantar sebuah kapal untuk membawa pulang 180 'tentera diraja' termasuk 30 pengawal bersenjata.</li> </ul>
26 Feb	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh pengusiran tamat. Namun, rundingan masih dijalankan</li> </ul>
28 Feb	<ul style="list-style-type: none"> <li>Agbimuddin Kiram menggesa Kerajaan Malaysia mengadakan rundingan secara terus dengan abangnya, Jamalul Kiram III di Manila agar 180 'tentera diraja' meninggalkan Felda Sahabat 17,</li> </ul>
1 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertempuran tercetus antara pasukan keselamatan dan penceroboh</li> </ul>
2 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dua anggota polis terkorban, tiga lagi cedera dan 12 penceroboh terbunuh.</li> </ul>
2 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertempuran berlaku di Kampung Sri Jaya, Siminul, Semporna</li> </ul>
4 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 12 orang terbunuh, termasuk enam anggota polis.</li> </ul>
4 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Presiden Benigno Aquino III berjanji menyelesaikan pencerobohan di Sabah melalui jalan keamanan.</li> </ul>
5 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pada jam 7 pagi, pasukan keselamatan melancarkan serangan ke Kampung Tanduo. Perdana Menteri mengumumkan 'Ops Daulat' bagi menjaga maruah dan kedaulatan negara.</li> </ul>
6 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>13 mayat penceroboh ditemui di Kampung Tanduo. Sembilan daripada mayat ditemui dalam sebuah kubur.</li> </ul>
6 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Empat lelaki ditahan dipercayai mempunyai kaitan dengan kumpulan penceroboh di Kampung Sri Jaya Siminul, Semporna.</li> </ul>
7 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jamalul Kiram III mengumumkan gencatan senjata. Namun, Perdana Menteri menolak gesaan gencatan senjata dan penceroboh meletakkan senjata tanpa syarat</li> </ul>
7 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perdana Menteri juga mengumumkan pembentukan sebuah kawasan keselamatan meliputi wilayah pantai timur Sabah dari Kudat ke Tawau.</li> </ul>
7 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 52 orang penceroboh terbunuh.</li> </ul>
8 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lebih 50 orang ditahan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan 2012.</li> </ul>
9 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seorang penceroboh ditembak mati pada jam 8 pagi.</li> </ul>
9 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pasukan keselamatan menahan seramai 27 suspek</li> </ul>
9 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jamalul Kiram III, meminta diadakan 'perbincangan' tetapi tawaran ini ditolak.</li> </ul>
9 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 53 orang penceroboh ditembak mati dan 79 suspek ditangkap.</li> </ul>
10 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seorang remaja lelaki ditembak mati dan seorang lelaki dewasa cedera</li> </ul>
10 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Di Semporna, enam orang ditahan dalam dua kejadian yang berasingan.</li> </ul>
10 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Di Tanjung Batu, dua anggota pasukan keselamatan telah cedera</li> </ul>
11 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Gerakan operasi '<i>mopping-out</i>' giat diperhebat di kawasan Kampung Tanjung Batu dan Sungai Bilis.</li> </ul>
11 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 54 penceroboh Sulu telah terbunuh, 97 orang telah ditahan</li> </ul>
12 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seorang tentera Malaysia terkorban dan tiga penceroboh ditembak mati.</li> </ul>
13 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pesuruhjaya Polis Sabah percaya ketua kumpulan penceroboh militan Agbimuddin Kiram masih terkepung di kawasan operasi.</li> </ul>
13 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dua mayat penceroboh ditemui.</li> </ul>
13 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membawa masuk helikopter dari Pasukan Udara Tentera Darat dan 12 kereta perisai</li> </ul>
14 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seorang lelaki ditahan bersama dua bilah pedang samurai serta tiga parang panjang.</li> </ul>
14 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 35 pengikut waris Jamalul Kiram III ditahan di Filipina.</li> </ul>
14 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Malaysia bercadang menubuhkan Suruhanjaya Diraja (RCI) atau membuka kertas putih bagi menyiasat</li> </ul>
14 Mac	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Pertahanan kini menjaga perairan timur Sabah yang sebelum ini di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri (JPM).</li> </ul>

Tarikh 2013	Peristiwa
15 Mac	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ketua kumpulan penceroboh, Azzimudie Kiram dipercayai telah melarikan ke tempat asalnya di Selatan Filipina.</li><li>• Anggota keselamatan menjumpai tiga kubur baru di Kampung Tanduo yang mengandungi 15 mayat</li><li>• 61 orang penceroboh telah ditembak mati.</li></ul>
16 Mac	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Eastern Sabah Security Command</i> (ESSCOM) ditubuhkan segera bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.</li><li>• Anggota keselamatan telah menahan seorang lelaki yang dipercayai penceroboh Sulu di kawasan Felda Sahabat 17</li></ul>
17 Mac	<ul style="list-style-type: none"><li>• Anggota keselamatan telah berjaya ditembak mati</li><li>• Seramai 104 orang telah ditahan dibawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah khas) 2012 (SOSMA) manakala 241 orang lagi telah ditahan</li></ul>
18 Mac	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasukan keselamatan telah bertempur dengan saki baki penceroboh Sulu di kampung Tanjung Batu, Felda Sahabat 22,</li><li>• Sebanyak 17 kenderaan perisai jenis '<i>armoured personnel carrier</i>' (APC) Adnan tiba di Lahad Datu dan 17 trak tentera yang dipenuhi anggota tentera.</li><li>• Jumlah tangkapan seramai 104 dan jumlah musuh yang telah ditembak mati seramai, 62. Ops Daulat telah mengorbankan sembilan anggota keselamatan negara, manakala sembilan lagi cedera.</li></ul>
20 Mac	<ul style="list-style-type: none"><li>• Satu mayat musuh telah ditemui</li><li>• Seorang anggota ATM tercedera</li></ul>
21 Mac	<ul style="list-style-type: none"><li>• Seorang musuh dibunuh dan seorang wanita ditangkap</li><li>• Lapan warga Filipina berdepan dengan hukuman mati dan penjara seumur hidup kerana melancarkan perang ke atas Yang di-Pertuan Agong dan menjadi ahli kumpulan penceroboh</li></ul>
22 Mac	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jumlah penceroboh yang ditewaskan seramai 63 orang. Jumlah anggota keselamatan negara yang gugur seramai 10 orang.</li></ul>

Sumber: Astroawani (9 Mac 2013) "Kronologi pencerobohan pantai timur Sabah"

Paparan kronologi menunjukkan pencerobohan aktor bukan negara rakyat Filipina telah menggugat kedaulatan dan keselamatan negara kerana ia melibatkan kehilangan nyawa dan ketidakselamatan rakyat dan juga negara. Menjadi persoalan di sini ialah, bagaimanakah kehadiran penceroboh ini pada peringkat awalnya tidak dapat dikesan? Pihak ATM dan APMM sendiri tidak menyedari akan pendudukan tersebut sehinggalah kejadian ini dilaporkan oleh rakyat tempatan yang sangsi dengan kehadiran mereka (Temubual dengan penduduk tempatan, 20 Ogos 2013). Pencerobohan ini juga gagal dikesan oleh pihak polis sedangkan Kampung Tanduo terletak berhampiran dengan Balai Polis Felda Sahabat 16 (Khor, 2013). Apakah faktor yang menyumbang kepada pencerobohan ini?

#### *Penglibatan keluarga Jamahul Kiram III dan penduduk tempatan*

Pendudukan TKS di Kampung Tanduo sebenarnya telah berlaku secara berperingkatan tanpa dapat dikesan oleh penduduk tempatan.

*"The group enters Malaysian waters in a boat and begins to gather in stages at Felda Sahabat 17, Kampung Tanduo in Lahad Datu" [...] The group breaks into a smaller groups to enter several locations in the village, namely Sungai Bakau village, village surau and the house of one of the villagers, Ahmad Malandi"*

(AsiaOne, 2 Mac 2013)

Kehadiran pencerobohan ini, berjaya dikaburi dengan kaedah penyamaran yang melibatkan golongan wanita dan warga tua. Hal ini dapat dilihat pada kenyataan yang dikeluarkan oleh Bunn (2013) yang

menyifatkan; “...as a decoy, some of them were elderly men and women, but they were armed with automatic weapons and with handguns provided by locals, a plan that fooled the authorities here”.

Malah, penglibatan anak bekas ketua Kampung Tanduo sebagai penyelaras tempatan bagi gerakan bersenjata Sulu di Sabah turut sama memainkan peranan penting dalam menjawab persoalan mengapakah kegiatan mereka ini tidak dapat dikenal pasti di peringkat awal (Bunn, 2013; Lee, 2013). Terdapat ramai penduduk tempatan yang tinggal adalah terdiri dari mereka yang berketurunan Filipina (Bunn, 2013; Supriyanto, 2013). Malah, aktiviti migrasi penduduk Filipina di Sabah juga merupakan satu perkara ‘kebiasaan’<sup>iii</sup> di tiga kawasan utama Sabah iaitu di Lahad Datu, Sandakan dan Tawau (Ramli et al., 2003; Sadiq, 2005). Kewujudan penduduk masyarakat keturunan Suluk dari Filipina ini telah menyebabkan migrasi rantaian berlaku sehingga kehadiran mereka di Sabah berterusan. Ini turut membabitkan kaum keluarga dan sahabat terdekat Kiram yang tinggal di beberapa kawasan di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Selain itu, laporan yang dikeluarkan oleh akhbar *The Star* umpamanya, menyatakan bahawa abang kepada Raja Muda Aghimuddin Kiram, iaitu Raja Azzimudie Kiram, turut sama terlibat dalam menyediakan pelbagai bentuk keperluan dan kemudahan yang diperlukan oleh TKS sebelum dan sewaktu pencerobohan ini dilakukan (*The Star*, 12 Mac 2013). Sebagai seorang nelayan yang telah lama menetap di kawasan Lahad Datu (Semporna), bersama-sama dengan keluarga mereka, beliau mahir tentang perkembangan politik tempatan, selok belok kawasan Lahad Datu, kekuatan dan kelemahan kawalan serta perairan negara. Penglibatan ahli keluarga penceroboh dalam gerakan bersenjata Lahad Datu telah menjadikan pencerobohan dan pendudukan TKS sukar untuk dikesan. Ditambah pula dengan keadaan perairan negara yang besar (struktur fizikal Sabah), penjagaan keselamatan yang kurang ketat serta jarak antara Malaysia dan kepulauan Filipina yang terlalu dekat (geostrategik Sabah dengan Filipina) (Temubual dengan ESSCOM, 20 Ogos 2013).

#### *Kedudukan geostrategik dan geofizikal Sabah*

Ruang perairan yang luas, iaitu sepanjang 1,400 km adalah antara faktor. Perkara yang sama turut menjadi isu dalam membicarakan tentang tanggungjawab agensi keselamatan negara seperti APMM dalam mengawal rapi struktur keselamatan dan kedaulatan di kawasan perairan negara. Di Sabah, hampir dua pertiga batas sempadannya dikelilingi oleh laut. Berbeza dengan batas sempadan darat, yang disempadani dengan tembok tinggi yang memisah dua negara, bukaan ruang perairan yang luas ini telah menyebabkan agensi penguatkuasaan maritim dan tentera laut negara sukar untuk mengenakan penjagaan rapi ataupun melakukan pengawasan ketat terhadap perkara-perkara yang berlaku di kawasan perairan berkenaan (*Berita Harian Online*, 18 Februari 2013).

#### *Ketidacukupan anggota keselamatan dan aset*

Kekurangan anggota dalam APMM, pemilikan jumlah aset dan jumlah peruntukan yang sedikit bagi tujuan penyelenggaraan, pembelian aset dan kekurangan pos kawalan keselamatan di kawasan perairan turut menjadi faktor. Permasalahan yang dihadapi ini dapat dilihat pada kenyataan yang diberikan oleh Ketua Penguatkuasa APMM Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Laksamana Pertama Maritim, Karunanithi A/L Munusamy, di mana menurut beliau adalah [satu] perkara yang mustahil bagi kira-kira 750 anggota APMM untuk mengawal keseluruhan perairan di negeri ini meskipun diberi bantuan oleh agensi penguatkuasaan lain (Ruzaini, 2013).

Hal ini turut ditambahkan lagi dengan kedudukan Sabah yang terletak berdekatan dengan kepulauan Sulu dan Tawi-tawi. Menurut Ketua Pengarah APMM (*Bernama*, 2 Mac 2013);

“...di kawasan Lahad Datu sahaja, panjang pesisir pantai di kawasan berkenaan adalah lebih 100 km dan ia bukanlah sesuatu yang mudah dalam mengawal perairan itu. Malah terdapat di kawasan-kawasan tertentu, jarak sempadan perairan dengan Filipina hanyalah “10 minit” menerusi perjalanan bot”.

APMM turut menghadapi permasalahan seperti kekurangan aset yang mampu digunakan dalam memperkukuhkan keselamatan perairan negara. Sebagai contoh, dari 35 buah kapal peronda yang dimiliki oleh APMM di Malaysia, tiga daripadanya ditempatkan di kawasan Lahad Datu, untuk mengawal kawasan perairan sepanjang 100 km dengan keluasan sebesar 640,000 km persegi.

### *Kepatuhan pada titah perintah Jamalul Kiram III*

Pendudukan ini turut berlaku ekoran arahan yang dikeluarkan oleh Jamalul Kiram III pada 1 November 2012. Ia mengarahkan pengikutbeliau menduduki semula Sabah (Thayer 2013). Arahan ini telah membuatkan seramai hampir 100<sup>iii</sup> orang rakyat Filipina, lengkap bersenjata, mendarat di kawasan pantai Lahad Datu dan menawan Kampung Tanduo. Pencerobohan ini dilakukan untuk kembali semula ke tanah asal tinggalan Sultan Sulu, iaitu Sabah (yang didakwa hak mereka) yang telah ‘dipajakkan’ kepada kerajaan Malaysia (ibid.).

Adalah dipercayai Sultan Sulu tidak pernah memberikan kemerdekaan kepada Sabah (Borneo Utara). Sebaliknya, Sabah mengikut perjanjian yang dimenterai antara Alfred Dent dan Baron von Overback dengan Sultan Sulu pada tahun 1878 hanya dipajakkan dengan bayaran sejumlah RM5,000. Bayaran ini bagaimanapun telah ditingkatkan kepada RM5,300<sup>iv</sup> mengikut persetujuan yang ditandatangani dalam Perjanjian *Confirmation of Cession Certain Islands* pada tahun 1903 (Bunn, 2013).

Ada kemungkinan “kembali semula” yang dimaksudkan adalah untuk mendapatkan semula Sabah dari pegangan Malaysia. Hal ini jelas dapat dilihat pada kenyataan yang dikeluarkan oleh Raja Muda Sulu, Raja Muda Agbimuddin dalam sesi temubual yang dilakukan dengan wakil media Filipina, *Inquirer Global Nation*. Menurut beliau (Cruz, 2013);

*“...the government appeared to have neglected the heirs and ignored their stand that their claim to Sabah was an “integral and essential” aspect of any peace agreement with any armed group in Mindanao. Abraham JulpaIdjirani, secretary general and spokesperson of the Sultanate of Sulu, said the decision to show not just physical presence but actual occupation of Sabah came late last year, shortly after the Aquino administration signed a Framework Agreement on the Bangsamoro with the MILF [...] They are not interested, this government and the previous governments, so we decided to act on our own.”*

Terdapat kemungkinan yang menjelaskan pencerobohan ini adalah sebagai satu langkah memboikot proses damai antara MNLF dengan Manila yang ketika itu sedang digerakkan oleh kerajaan Malaysia ketika itu.

### *Perang persepsi menjelang PRU13*

Sebelum PRU13, satu siasatan dilakukan oleh Suruhanjaya Diraja di Sabah bagi merungkai dan menyiasat dakwaan yang menyatakan wujud perkaitan antara kerajaan dengan pemberian status kewarganeraan bagi maksud politik yang diusahakan atas arahan mantan Perdana Menteri Malaysia keempat, Mahathir Mohamad di bawah nama “Projek IC” (Frank, 2006; Sadiq, 2005). Berdasarkan laporan awal testimoni yang diberikan terhadap siasatan suruhanjaya ini, hujah yang diberikan oleh Khor (2013) dan Poling et al. (2013) umpamanya, menerangkan terdapat banyak testimoni yang diberikan oleh saksi ketika itu telah mengaitkan pemberian hak warganegara ini dengan pemimpin tertinggi parti Barisan Nasional. Testimoni yang diberikan telah membuatkan banyak pihak terutamanya ‘rakyat Malaysia’ berketurunan etnik Suluk, sedikit sebanyak merasakan kedudukan mereka tergugat apabila ia berkait rapat dengan masa depan dan berkemungkinan ditangkap serta dihukum atau dihantar pulang ke negara asal mereka, Filipina. Perkembangan yang berlaku ini, secara tidak langsung akan turut sama mengundang masa depan yang gelap kepada masyarakat Suluk yang lain khususnya bagi mereka dalam proses untuk mendapatkan hak yang sama seperti saudara mara mereka yang lain di Sabah. Ini ditambah lagi dengan

perang persepsi yang wujud ketika itu menampakkan seolah-olah keputusan dan sokongan rakyat pada PRU13 lebih cenderung kepada pembangkang.

## Isu domestik Sabah

Terdapat isu-isu domestik lain yang mewarnai geopolitik Sabah selain daripada pencerobohan Lahad Datu.

### *Tuntutan bertindih*

Kedudukan Sabah yang bersempadan darat dengan Indonesia (Kalimantan) di sebelah selatan, dengan Filipina (kepulauan Sulu dan Tawi-tawi) menunjukkan Sabah terletak cukup hampir dengan wilayah Filipina dan Indonesia (Franco, 2013; Wan Shawaluddin & Ramli, 2008) dan amat strategik.

Isu tuntutan wilayah oleh Filipina ke atas sebahagian wilayah Sabah, iaitu dari Kota Belud hingga ke Tawau berdasarkan kepada satu perjanjian pada 1878 sehingga kini belum selesai. Perjanjian itu ditafsirkan oleh Kesultanan Sulu sebagai satu pajakan dan bukannya penyerahan wilayah seperti yang dipertahankan oleh Malaysia. Filipina juga dalam pada itu turut bersandar kepada Perjanjian Manila yang ditandatangani pada 31 Julai 1963 yang antara lain memperuntukkan bahawa pembentukan Malaysia tidak menjejaskan tuntutan Filipina ke atas Sabah (*Astroawani*, 23 Mac 2013).

Manakala isu tuntutan bertindih wilayah oleh Malaysia dan Indonesia sebelum ini ke atas kepulauan Sipadan dan Ligitan dan tuntutan Malaysia dan Indonesia ke atas Blok ND6/ ND7 (dirujuk oleh Malaysia) atau Blok Ambalat (di rujuk oleh Indonesia) juga menjadi isu keselamatan Sabah. Isu tuntutan bertindih kawasan maritim di antara Malaysia dan Indonesia yang kaya dengan minyak terletak lebih kurang 150 kilometer dari timur laut Tawau, Sabah dalam Lembah Tarakan sehingga kini masih belum mencapai kata putus. Malah penjagaan integriti dan kedaulatan blok terbabit telah menimbulkan pelbagai bentuk pertelingkahan di antara pasukan keselamatan kedua-dua buah negara (Supriyanto, 2013; Wan Shawaluddin & Ramli, 2008).

Isu keselamatan di Sabah juga bersifat bukan tradisional, seperti kes penculikan. Antaranya ialah penculikan seorang pengusaha pusat ternakan ikan dalam sangkar Chan Sai Chiun, 32, dan seorang lelaki kaum Suluk yang dikenali sebagai Mazlan, 20-an yang dilarikan oleh dua lelaki bersenjata di Kampung Sapang, barat Pulau Timbun Mata pada 17 Jun 2014. Pada 6 Mei 2014, seramai lima lelaki bersenjata telah menculik seorang pengurus syarikat ternakan ikan dalam sangkar warga China di Pulau Baik di Lahad Datu, sebulan selepas seorang pelancong wanita warga China dan pekerja resort warga Filipina diculik di sebuah resort di Semporna (*Astroawani*, 21 Jun 2014). Kemudiannya pada 12 Julai 2014, Lans Koperal Zakia Aliep telah diculik oleh sekumpulan lapan lelaki lengkap bersenjata api dalam satu serangan hendap di sebuah pusat peranginan di Pulau Mabul, Semporna. Rakan setugasnya, Koperal Ab. Rajah Jamuan, 32, meninggal dunia dalam 'adegan' berbalas tembakan ketika itu. Ini diikuti dengan kes penculikan seorang wanita yang juga pengurus di Restoran Ocean King, Jalan Tanah Merah, Sandakan, Thien Nyuk Fun, 50, dan seorang lelaki, Bernard Ghen Ted Fen, 39, yang merupakan konsultan elektronik di Kemboja pada 14 Mei 2015. Kes ini menimbulkan persoalan tentang tahap isu keselamatan di zon berkenaan yang dianggap semakin kukuh sebaik sahaja Lans Koperal Zakia Aliep berjaya dibawa pulang ke tanah air selepas 238 hari 'hidup' bersama penculik, dipercayai 'disembunyikan' di pulau-pulau terpencil di selatan Filipina. Kemudiannya, mangsa penculikan Bernard Ghen Ted Fen, dilaporkan ditembak mati oleh kumpulan penceroboh Abu Sayyaf sebelum dipenggal kepalanya dalam kejadian pertempuran dengan tentera Filipina di Perkampungan Bud Taran, Indanan, Kepulauan Jolo (*Utusan Online*, 18 November 2015).



*Pendatang asing*

Lambakan warga asing mendedahkan Sabah kepada pelbagai bentuk ancaman keselamatan. Bancian Penduduk dan Perumahan 2010, menunjukkan setakat 2010, hampir 1 juta warga asing berada di Sabah berbanding jumlah keseluruhan penduduk Sabah seramai 3,206,742 juta orang. Lebih ironi lagi di Lahad Datu sahaja terdapat seramai 77,003 orang warga asing berbanding 129,858 orang rakyat tempatan warganegara Malaysia (rujuk Jadual 2).

**Jadual 2. Taburan jumlah penduduk Sabah mengikut daerah pada tahun 2010**

Daerah	Jumlah penduduk	Warganegara Malaysia	Bukan warganegara Malaysia	Peratus (%)
Tawau	412,375	240,966	171,409	41.6
Lahad Datu	206,861	129,858	77,003	37.2
Semporna	137,868	96,146	41,722	30.3
Sandakan	409,056	260,618	148,438	36.3
Kinabatangan	150,377	32,638	117,689	78.3
Beluran	106,632	60,741	45,891	43.0
Kota Kinabalu	462,963	350,818	112,145	24.2
Ranau	95,800	90,061	5,739	6.0
Kota Belud	93,180	87,210	5,970	6.4
Tuaran	105,435	100,192	5,243	5.0
Penampang	125,913	105,059	20,854	16.6
Papar	128,434	106,934	21,500	16.7
Kudat	84,404	76,910	8,494	9.9
Kota Marudu	68,289	66,344	1,945	2.8
Pitas	38,764	37,479	1,285	3.3
Beaufort	66,406	62,383	4,023	6.1
Kuala Penyu	19,426	18,526	900	4.6
Sipitang	35,764	32,008	3,756	10.5
Tenom	56,597	52,088	4,509	8.0
Nabayan	32,309	27,729	4,580	14.2
Keningau	177,735	137,706	40,029	22.5
Tambunan	36,297	34,160	2,137	5.9
Kunak	62,851	31,649	31,202	49.6
Tongod	36,192	26,557	9,635	26.6
Putatan	55,864	52,183	3,681	6.6
<b>Jumlah</b>	<b>3,206,742</b>	<b>2,316,963</b>	<b>889,779</b>	<b>27.7</b>

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia

Isu kebanjiran warga asing yang masuk tanpa kawalan masih menjadi isu dalam arena politik tempatan. Hal ini ditambahkan lagi dengan isu pemberian kad pengenalan bagi tujuan politik kepada bukan warganegara dalam “Projek IC”. Yang jelas, isu-isu seperti ini telah, secara tidak langsung, mengusarkan banyak pihak terutama sekali penduduk tempatan yang merupakan ‘penerima terus’ dari apa yang dilaksanakan kerajaan (Frank, 2006; Jeniri & Munirah, 2013; Sadiq, 2005). Namun, isu “Projek IC” ini didapati tidak berjaya untuk menggugat kemenangan majoriti 2/3 BN dalam Pilihanraya Umum ke-9 (1995) dan Pilihanraya Umum ke-10 (1999) yang banyak disumbang oleh kemenangan kerusi dari Sabah selain Sarawak.

*Keselamatan maritim*

Isu rompak di kawasan perairan oleh aktiviti lanun (Ramli et al., 2003; *The Star Online*, 12 Mac 2013), di kawasan laut lepas, penyeludupan dadah dan senjata, ancaman penceroboh dan kumpulan gerakan

pemisah Filipina seperti yang dilakukan oleh gerakan Abu Sayaf, *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) dan *Moro National Liberation Front* (MNLF) (Supriyanto, 2013; Wan Shawaluddin & Ramli, 2008) turut mengancam keselamatan Sabah. Isu-isu keselamatan yang dibangkitkan ini cukup signifikan dalam menunjukkan beberapa indikator penting terhadap keperluan memperkukuhkan struktur dan memperkemaskan lagi strategi penjagaan keselamatan negara.

### Implikasi keselamatan negara

Peristiwa Lahad Datu, 9 Februari 2013, adalah ancaman keselamatan yang dihadapi berpunca dari gerakan bersenjata rakyat asing yang menuntut hak kedaulatan wilayah di Sabah yang disifatkan mereka sebagai hak wilayah Kesultanan Sulu. Namun, Kesultanan Sulu adalah kesultanan yang tidak diiktiraf oleh kerajaan Filipina. Justeru, ancaman ini adalah ancaman keselamatan dari 'aktor bukan negara'. Dalam konteks keselamatan, ancaman ini boleh disamakan seperti yang dilakukan oleh lanun dan perompak laut. Walau apapun, peristiwa Lahad Datu telah membuka pelbagai ruang perbincangan untuk meninjau semula beberapa perkara utama yang membabitkan isu yang belum diselesaikan. Antaranya:-

- a) Melihat semula lakaran sejarah yang telah terbentuk antara Malaysia dan Filipina – khususnya terhadap dokumen penting pindah milik wilayah serta tafsirannya,
- b) Isu-isu kontemporari yang wujud antara kedua-dua belah negara – isu MNLF, MILF tuntutan Filipina ke atas Sabah, tuntutan bertindih wilayah dan pergolakan politik di Selatan Filipina,
- c) Kesahihan isu-isu keselamatan di 'zon-Sulu' seperti – aktiviti munda, lanun, pemberontakan, pelarian, penyeludupan senjata dan manusia, pendatang haram serta isu penceroboh,
- d) Isu-isu domestik dan keselamatan Sabah – kebanjiran pendatang/ masyarakat dari Filipina, pemberian hak atau taraf warganegara dalam "Projek IC", masalah keselamatan di kawasan setempat,
- e) Agensi keselamatan Malaysia (PDRM, ATM dan APMM) – kesiapsiagaan anggota, kawalan keselamatan dan pembangunan aset, dan
- f) Meneliti dan memperhalusi semula nilai integriti pemimpin yang terlibat dengan kejadian tersebut dan nilai kesetiaan yang membabitkan 'warganegara segera' terhadap Malaysia.

Dalam konteks keselamatan, kajian ini bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mohammed Ayooob (1995) yang menjelaskan bahawa takrifan keselamatan Dunia Ketiga, ditentukan oleh golongan elit yang memerintah. Sekiranya sesuatu isu yang dilihat sebagai isu penting yang mampu mengganggu gugat keselamatan dan kestabilan negara oleh para sarjana tidak semestinya dianggap sedemikian oleh golongan pemerintah. Walau apapun, pengajaran yang paling bermakna yang dipelajari dalam peristiwa Lahad Datu ini adalah berhubung dengan persoalan kesetiaan 'warganegara segera' terhadap negara. Kejadian yang berlaku ini telah memaparkan bahawa pemberian hak warganegara kepada sesiapa mungkin menyebabkan aspek keselamatan negara menjadi taruhan.

Situasi yang berlaku ini menampakkan kelompangan iaitu peranan yang perlu dimainkan oleh agensi keselamatan termasuk PDRM, ATM dan APMM dalam mengawal kawasan, perairan dan perbatasan maritim negara. Kekangan teknologi, kakitangan dan peralatan boleh di ambil kira antara sebab berlakunya peristiwa itu tetapi ia bukannya faktor mutlak. Peristiwa ini juga memberi ruang kepada kerajaan untuk mendaulatkan dan memperbaiki pertahanan negara.

Memandangkan perbatasan sempadan perairan negara ini dikongsi oleh tiga buah negara, Malaysia, Filipina dan Indonesia, kerjasama antara ketiga-tiga buah negara ini dalam mempertingkatkan keselamatan perairan negara adalah penting. Sungguhpun laluan kapal di Laut Sulu tidak sesibuk laluan kapal seperti di kawasan perairan Selat Melaka, namun kepentingan ekonomi negara seperti sumber minyak di blok Ambalat, kelapa sawit di Lahad Datu serta kepentingan eko-pelancongan di pulau Sipadan dan Ligitan, memerlukan negara bekerja keras mempertingkatkan keselamatan negara di kawasan

berkenaan. Kerapuhan keselamatan di kawasan berkepentingan seperti ini bukan hanya akan mengganggu gugat sumber pendapatan negeri Sabah, kerana Sabah juga adalah destinasi pelancongan yang popular .

## Kesimpulan

Sabah sebuah negeri di Timur Malaysia, berperanan penting dari segi geo strategiknya, walaupun menghadapi pelbagai isu dalaman. Namun, peristiwa Lahad Datu telah membuka mata terhadap betapa pentingnya negeri ini. Peristiwa ini juga memaparkan bagaimana ia menjadi ancaman keselamatan negara dan bagaimana rapuhnya keselamatan negara terutama di saat menjelangnya PRU13. Bagi negara membangun seperti Malaysia, keamanan dan kestabilan amat penting demi kesejahteraan negara dan rakyatnya. Namun dalam usaha menangani peristiwa ini, kerajaan perlu berhati-hati kerana bukan sahaja melibatkan isu ancaman negara tetapi juga kestabilan rantau. Keterbukaan luas sempadan maritim negara dalam era globalisasi memaparkan aktor bukan negara semakin menggunakan ruang untuk kepentingan peribadi. Kerjasama antara negara perlu dipertingkatkan demi survival Malaysia.

## Rujukan

- Abdul Monem M. Al-Mashat (1985) *National Security in the Third World*. Westview Press, Colorado.
- AsiaOne. Sulu Group Cornered within smaller area after Shootout [Article on the Internet] 2 March 2013. [Cited 5 June 2015]. Available from: <http://news.asiaone.com/News/AsiaOne+News/Malaysia/Story/A1Story 20130302-405728.html>.
- Astroawani. Ada apa dengan Sabah? [Article on the Internet] 21 June 2014. [Cited 5 June 2015]. Available from: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ada-apa-dengan-sabah-38111>.
- Astroawani. Filipina siap kajian tuntutan ke atas Sabah [Article on the Internet] 25 March 2013. [Cited 5 June 2015]. Available from: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/filipina-siap-kajian-tuntutan-ke-atas-sabah-10743>.
- Astroawani. Kronologi pencerobohan pantai timur Sabah [Article on the Internet] 9 March 2013. [Cited 5 June 2015]. Available from: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kronologi-pencerobohan-pantai-timur-sabah-9460>.
- Berita Harian Online Jangan Politikkan Kes Pencerobohan di Lahad Datu: Hishammuddin [Article on the Internet] 18 February 2013. [Cited 5 June 2015]. Available from: [https://www.bharian.com.my/bharian%articles%JanganpolitikkankespencerobohandiLahadDatu\\_Hishammuddin%Article](https://www.bharian.com.my/bharian%articles%JanganpolitikkankespencerobohandiLahadDatu_Hishammuddin%Article).
- Bernamea. APMN Pertingkat Kawalan di Perairan Lahad Datu. [Article on the Internet] 2 March 2013. [Cited 5 June 2015]. Available from: [http://www.bernama.com/bernama/state\\_news/bm/news.php?cat=sbm&id=931566](http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?cat=sbm&id=931566).
- Bunn Negara (2013) A foreign problem that became Sabah's. [Article on the Internet] 3 March 2013. [Cited 5 June 2015]. Available from: <http://www.thestar.com.my/opinion/columnists/behind-the-headlines/2013/03/03/a-foreign-problem-that-became-sabahs/>.
- Buzan B (1991) New Patterns of Global Security in the Twenty-First Century. *International Affairs* 67, 431-451.
- Cruz AD (2013) Heirs of Sultan of Sulu pursue Sabah claim on their own. *Inquirer Global Nation* [Article on the Internet] 16 February 2013. [Cited 5 June 2015]. Available from: <http://globalnation.inquirer.net/64577/heirs-of-sultan-of-sulu-pursue-sabah-claim-on-their-own>.
- Franco J (2013) The Sabah-Sulu crisis: Time to revisit the Sulu zone. *RSIS Commentaries* 44, 1-2.
- Frank S (2006) Project Mahathir: 'Extraordinary' population growth in Sabah. *Sudostasien aktuell* pp.71-80.

- Goh R (2013) 'Ops Sanggah' replaces 'Ops Daulat' Malaysia Digest [Article on the Internet] 30 June 2013. [Cited 10 June 2015]. Available from: <http://www.malaysiandigest.com/news/88392-ops-sanggah-replaces-ops-daulat.html>.
- Gomez J (2013) Six police, seven assailants killed amid Malaysian siege. *Washington Examiner*, 3 Mac 2013.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2000) Putrajaya. [Cited 30 June 2013]. Available from: <http://www.statistics.gov.my>.
- Jeniri Amir, Munirah Abdul Razak (2013) Sabah dan Sarawak: Perubahan atau kesinambungan. In: Shamsul Amri Baharuddin, Mansor Mohd Noor (eds) *Dalam Pru-13: Siapa pilihan pengundi?*, 198-219. Penerbit UKM, Bangi.
- Katharason PK, Vanar M, Golingai P, Lee S, Ho S, Abdul Razak Ahmad, Syed Azhar, Farik Zolkepli, Daniel S (2013) Sabah stand-off: Soldier, two gunmen killed in Lahad Datu. AsiaOne [Article on the Internet] 13 March 2013. [Cited 10 June 2015]. Available from: <http://news.asiaone.com/News/AsiaOne%2BNews/Malaysia/Story/A1Story20130313-408155.html>.
- Khor YL (2013) The Sabah - Sulu crisis threatens the palm oil supply-chain. *ISEAS Perspective* **12**, 1-7.
- Lee S (2013) Lahad Datu: Kg Tanduo chief's son is coordinator for Sulu group. The Star Online [Article on the Internet] 23 March 2013. [Cited 10 June 2015]. Available from: <http://www.thestar.com.my/news/nation/2013/03/23/lahad-datu-kg-tanduo-chiefs-son-is-coordinator-for-sulu-group/>
- Mazwin Nik Anis, Khoo S, Vanar M (2013) Lahad Datu: PM confirms two commandos killed: Regrets bloodshed. The Star Online [Article on the Internet] 1 March 2013. [Cited 11 June 2015]. Available from: <http://www.thestar.com.my/news/nation/2013/03/01/lahad-datu-pm-confirms-two-commandos-killed-regrets-bloodshed/>.
- Mohammed Ayoob (1995) *The Third World Security Predicament: State Making, Regional Conflict, and the International System*. Lynne Rienner, Colorado.
- Perbincangan dan Temubual dalam lawatan ke *Eastern Sabah Security Committee* (ESSCOM). 20 Ogos 2013.
- Poling G, Depadua P, Frentasia J (2013) *The royal army of Sulu invades Malaysia*. Center for Strategic and International Studies.
- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana P, Marja Azlima Omar (2003) Pendatang Filipina di Sabah: Satu pemerhatian dari sudut keselamatan. *Jati* **8**, 217-240.
- Ruzaini (2013) Tiada insiden tembak menembak di Lahad datu. The Borneo Post. [Article on the Internet] 16 February 2013. [Cited 11 June 2015]. Available from: <http://www.theborneopost.com/2013/02/16/tiada-insiden-tembak-menembak-di-lahad-datu/>.
- Sadiq K (2005) When states prefer non-citizens over citizens: Conflict over illegal immigration into Malaysia. *International Studies Quarterly* **49**, 101-122.
- Shamsul Amri Baharuddin (2013) Pendahuluan. In: Shamsul Amri Baharuddin, Mansor Mohd Noor (eds) *Dalam Pru-13:Siapa Pilihan Pengundi?*, xv-xxix. Penerbit UKM, Bangi.
- Sinar Harian Online. Isu Lahad Datu Jeffrey Kitingan Nafi Terlibat [Article on the Internet] 3 March 2013. [Cited 11 June 2015]. Available from: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/isu-lahad-datu-jeffrey-kitingan-nafi-terlibat-1.136093>.
- Supriyanto RA (2013) The Sabah incursion: Gaps in regional maritime security. *RSIS Commentaries* **63**, 1-2.
- Temubual bersemuka dengan penduduk tempatan, Lahad Datu. 20 Ogos 2013.
- Thayer CA (2013) *Sabah: Sultan of Sulu strikes claim*. Thayer Consultancy Background Briefing.
- The Star Online. Lahad Datu: 'Close Relative' of Jamalul Kiram held [Article on the Internet] 12 March 2013. [Cited 11 June 2015]. Available from: <http://www.thestar.com.my/news/nation/2013/03/12/lahad-datu-close-relative-of-jamalul-kiram-held/>.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Ramli Dollah (2008) Isu-Isu keselamatan Sabah dan impak kepada Malaysia. *Jati* **13**, 49-67.

---

<sup>i</sup>Terdapat beberapa tarikh lain yang dikemukakan bagi merujuk tarikh sebenar pencerobohan berlaku. Sebagai contoh, Khor (2013: 1) menggunakan tarikh 9 Febuari sebagai tarikh rujukan pencerobohan bermula manakala Ristian Atriandi Supriyanto (2013: 1) pula menyatakan bahawa tarikh sebenar pencerobohan bermula pada 11 Febuari 2013. Joseph Franco (2013: 1) pula menyatakan bahawa serangan bersenjata (bukannya pencerobohan) tersebut sebenarnya bermula pada 1 Mac 2013. Sungguhpun terdapat pelbagai tarikh yang dikemukakan oleh penulis-penulis ini, makalah ini akan menggunakan tarikh 9 Febuari 2013 sebagai tarikh penting kepada pendudukan angkatan bersenjata dari Filipina apabila menawan Kampung Tanduo sebagai kubu mereka manakala tarikh serangan bersenjata pula berlaku pada 1 Mac 2013.

<sup>ii</sup>Kehadiran pendatang dari Filipina di Sabah yang dianggap sebagai 'kebiasaan' ini dapat dilihat pada beberapa faktor seperti (i) faktor sejarah – kewujudan kaedah perdagangan 'barter' di tiga kawasan utama di Zon Sulu – Sabah (Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau), Filipina (di Mindanao, Kepulauan Sulu, Tawi-tawi dan Indonesia selain daripada struktur persempadanan wilayah yang kabur; (ii) Disebabkan oleh ancaman pendudukan Sepanyol – memaksa penduduk asal di Mindanao dan Kepulauan Sulu dan Tawi-tawi berhijrah ke Sabah; (iii) Akibat daripada peristiwa insurgensi di Mindanao di antara Kumpulan MNLF dan Kerajaan Filipina pada tahun 1970-an; dan (iv) adalah yang disebabkan oleh tarikan pembangunan ekonomi yang dicapai di Sabah berbanding dengan wilayah-wilayah di Selatan Filipina yang menghadapi pergolakan politik. Yang jelas, setiap satu daripada faktor-faktor tersebut telah mewujudkan jaringan ekonomi, politik dan sosial sama ada dengan penduduk tempatan mahupun dengan saudara mara yang telah lama berhijrah di kawasan berkenaan. Pada hari ini, jaringan yang telah terbentuk ini, secara tidak langsung, telah memudahkan lagi urusan penghijrahan rakyat Filipina.

<sup>iii</sup>Jumlah TKS terlibat yang dicatatkan oleh para sarjana dan wartawan dalam kes Lahad Datu ini adalah pelbagai. Sebagai contoh, laporan yang dikeluarkan oleh akhbar *The Star Online*(2013), dan kenyataan Bunn Negara (2013) menyatakan seramai 100 orang terlibat manakala kenyataan yang dikeluarkan oleh Poling, DePadua dan Frentasia (2013: 1) dan Khor (2013: 1) pula adalah seramai 200 orang. Justeru, penulisan ini mengambil pendirian bahawa hanya catatan atau laporan yang dikeluarkan oleh media tempatan (dalam kes ini akhbar *The Star Online*) mengikut anggaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PDRM) digunakan sebagai justifikasi kenyataan yang diberikan.

<sup>iv</sup>Pembayaran RM5,300 (7,390.77 peso) ini masih dilakukan melalui wakil Malaysia di Pejabat Kedutaan Malaysia, di Filipina.